

**Kerajaan digesa wujudkan garis panduan Akta Keterangan 1950  
Utusan Online  
17 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR 16 Ogos - Kerajaan diminta mewujudkan satu garis panduan jelas berhubung pindaan Seksyen 114A Akta Keterangan 1950 yang telah diwartakan pada Julai lalu.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek berkata, garis panduan itu penting bagi memastikan mereka yang bersalah sahaja akan dihukum dan ia perlu disegerakan berikutan berlakunya peningkatan kadar jenayah dan pembulian siber.

"Kita harap kerajaan terbuka dengan cadangan ini dan tampil dengan satu garis panduan yang jelas mengenai pindaan dan akta ini.

"Satu mekanisme terbaik harus segera dibentuk dalam memastikan akta ini benar-benar melindungi rakyat," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Komuniti Pusat MCA di sini hari ini.

Mesyuarat yang diadakan itu turut membincangkan mengenai pendirian kerajaan negeri Selangor yang masih lagi membisu terhadap isu pengambilalihan hutang Talam Corporation Bhd. dan isu keselamatan awam di tempat-tempat tumpuan ramai.

Soi Lek dalam pada itu menambah, MCA juga berpendirian bahawa kerajaan harus mendapatkan maklum balas daripada rakyat berhubung dengan pindaan akta berkenaan supaya suara mereka turut diambil kira selari dengan laungan 'rakyat didahulukan'.

Sehubungan itu, dengan nada tegas, Soi Lek mempertikaikan tindakan pembangkang yang menjadikan isu pindaan akta tersebut sebagai retorik dan agenda mereka untuk memburukkan kerajaan.

"Pindaan ini telah dibahas dan diluluskan dalam Dewan Rakyat. Kalau benar mereka tidak bersetuju mengapa tidak bersuara semasa di dewan, malah mereka juga boleh meminta untuk diadakan pengundian," ujarnya.

Beliau turut mengingatkan rakyat supaya sedar kewujudan akta tersebut dan pindaannya adalah untuk melindungi orang ramai terutamanya pengguna Internet supaya tidak terjebak serta menjadi mangsa mereka yang tidak bertanggungjawab.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120817/dn\\_05/Kerajaan-digesa-wujudkan-garis-panduan-Akta-Keterangan-1950](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120817/dn_05/Kerajaan-digesa-wujudkan-garis-panduan-Akta-Keterangan-1950)